

Berita Bandaraya

Berita Bandaraya boleh dilayari di www.dbkl.gov.my

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



KUALA LUMPUR

PERPUSTAKAAN DIGITAL

INTA28 Tarik Minat Pelbagai Sektor

INTA merupakan sebuah organisasi yang berperanan dalam meningkatkan ilmu dan pertukaran amalan dalam bidang Pembangunan Integrasi Bandar. Ia juga merupakan mekanisma pertukaran rangkaian antarabangsa antara bandar-bandar dan forum polisi untuk jangkamasa sederhana dan panjang untuk pembangunan bandar yang mantap.

Kongres INTA merupakan acara tahunan dan dianggotai oleh lebih 50 buah negara dan merupakan yang pertama kali diadakan di Asia Tenggara iaitu Kuala Lumpur. INTA28 KUALA LUMPUR telah berlangsung pada 5 hingga 9 September 2004.

Berita Bandaraya telah berkesempatan bertemu dengan Pengurus Jawatankuasa Persiapan Tempatan (*Local Arrangement Committee*) iaitu Y.Bhg. Datuk Halijah bt. Othman yang mana bersyukur kerana INTA28 Kuala Lumpur telah mendapat sambutan yang amat memuaskan dengan memaklumkan penyertaan dari tempatan seramai 121 peserta dan dari luar negara seramai 251 peserta daripada 56 negara kesemuanya. 15 orang pembentang kertas kerja merupakan pembentang tempatan dan seramai 49 orang pembentang dari luar negara. Sebanyak empat plenari dan lapan bengkel telah dilaksanakan. Turut diadakan ialah dua sesi *City Round* dan empat sesi *Urban Development (UD) Training Course*. Tema untuk Kongres Sedunia Pembangunan Bandar Tahunan INTA28 kali ini ialah Metropolitan: Perpaduan atau Perpecahan dilaksanakan dengan tujuan untuk membincangkan empat isu besar iaitu Perpaduan Sosial dan Ekonomi bandar metropolitan, Pengurusan bandar metropolitan (perkembangan dan kemerosotan), Mobiliti Pembangunan berkesan di bandar metropolitan dan Pentadbiran dan Kewangan metropolitan.

Menurut Datuk Halijah, persiapan untuk INTA28 Kuala



Gambar atas: Perasmian INTA28 oleh YAB Perdana Menteri. Gambar bawah: Y.Bhg. Datuk Halijah Othman, Pengurus Jawatankuasa Persiapan Tempatan INTA28 menunjukkan VCD INTA28 Kuala Lumpur. - Gambar Berita Bandaraya.



yang bertemakan *KL Success Story* yang memaparkan imbasan sejarah Kuala Lumpur dari pekan kecil hingga menjadi sebuah bandaraya yang moden. Pameran ini dikendalikan oleh DBKL sendiri dengan disertai oleh sektor swasta seperti Syarikat Prasarana Negara Berhad, Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd., Mid Valley City, Maxis, *Intergrated Transport Information System (IT IS)*, Mtrans dan Setia Haruman Sdn. Bhd.

Mengulas mengenai tindakbalas dari peserta, Datuk Halijah berkata, "Semasa lawatan bersama peserta INTA28 ke Putrajaya dan Cyberjaya, saya sempat berbual dengan para peserta yang mengatakan mereka amat berpuas hati dengan Kongres kali ini terutama dari segi



Lawatan YB Tan Sri Hj. Mohd. Isa Abdul Samad ke tapak pameran INTA28. Turut sama ialah Datuk Bandar Kuala Lumpur. - Gambar Berita Bandaraya.



Salah satu bengkel yang telah diadakan di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur. - Gambar Berita Bandaraya.

Lumpur telah bermula pada bulan September 2003 lagi. Pelbagai jawatankuasa ditubuhkan untuk memastikan segala kerja-kerja dan perancangan bengkel dapat berjalan lancar. Lawatan dapat dilaksanakan dengan lancar. Antara jawatankuasa yang berturut-turut yang menjayakan INTA28 adalah: Jawatankuasa Sekretariat, Jawatankuasa Promosi, Jawatankuasa Pemasaran, Jawatankuasa Pengangkutan, Jawatankuasa Hospitaliti dan Jawatankuasa *City Tour*. Sepanjang perjalanan kongres ini, pameran juga turut diadakan

pengurusan dan cara kita mengendalikan acara dengan lancar". Menurut beliau, tahap perbincangan dan kualiti bengkel yang telah diadakan, para peserta menyifatkannya bertahap tinggi. Hasil daripada kongres ini, banyak contoh-contoh dan pengalaman yang diperolehi seperti bagaimana sesebuah bandar itu boleh membangun dengan pesat dan sihat.

INTA28 juga turut memberi pengalaman yang berharga kepada seluruh anggota DBKL yang terlibat yang mana mereka dapat belajar bagaimana mengendalikan sesuatu acara bertaraf antarabangsa. DBKL juga pernah mengendalikan kongres seperti City Net dan EAROPH. Pada masa hadapan, menurut Datuk Halijah lagi, DBKL akan lebih bersedia jika diberi tugas seumpama ini.

INTA29 2005 akan diadakan di Tetouan dan Tangier, Morocco.

Dari Meja Datuk Bandar

Bandaraya Global 24 jam

Seringkali timbul salah anggapan bahawa seni dan teater yang memberikan "nyawa dan kehidupan" kepada sebuah bandaraya.

Sebenarnya daripada seni dan teater, ada faktor-faktor lain yang perlu diambil kira iaitu aktiviti-aktiviti ekonomi, kebutuhan dan elemen-elemen sosial yang lain yang mampu menanamkan semangat, dinamik dan vibrancy kepada bandaraya.

Semangat, tenaga dan vibrancy adalah satu kitaran berterusan yang secara langsung berinteraksi antara satu sama lain, 24 jam sehari - siang dan malam. Bandar raya akan menjadi 'mati dan tidak bernyawa' sekiranya tiada aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial dengan manusia yang sentiasa bergerak menjalankan aktiviti sehari-hari.

Seperti yang telah dilaporkan dalam sebuah akhbar harian, saya mahukan sebuah bandar raya yang sentiasa sibuk 24 jam sehari. Malangnya, kenyataan itu telah disalahanggap oleh segelintir pihak bahawa saya menggalakkan dan menghidupkan perkara-perkara yang tidak baik terutama di waktu malam. Terkilan untuk mengatakan bahawa ini merupakan persepsi negatif yang mana ia tidak mengambil kira realiti yang berlaku terutama perubahan, evolusi sebuah bandar raya bertaraf dunia yang berjiwa. Sekiranya ini berterusan maka 15 atau 20 tahun lagi, Kuala Lumpur cuma menjadi bandar raya yang biasa dan tidak berbeza daripada bandar-bandar yang lain seperti New York, Sydney, Seoul, London, Paris, Montreal, Bombay dan Tokyo.

Kita telah menggalakkan pembinaan apartmen dan kondominium di bandar raya sekaligus mahukan lebih ramai menetap di Kuala Lumpur. Taman, kemudahan rekreasi dan pusat perniagaan digalakkan supaya Kuala Lumpur dapat menyaksikan penghuninya sentiasa 'hidup' menikmati kehidupan di bandar raya.

DBKL sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan habitat di bandar raya ini. Kuala Lumpur menjadi pintu masuk untuk pelancong sentiasa sibuk dengan kehadiran para pelancong sepanjang masa siang dan malam. Kita perlu melayan dan memenuhi keperluan dan permintaan mereka, supaya mereka merasa selesa dan seronok untuk tinggal di sini.

Agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan awam seperti elektrik dan air menjalankan kerja-kerja selenggaraan pada waktu malam sampai ke subuh untuk mengelakkan kesesakan lalulintas dan mengganggu orang



awam. Hotel dan gerai-gerai makanan beroperasi 24 jam untuk pekerja-pekerja yang bertugas di waktu malam dan mereka yang berhenti berkerja di bandaraya sebelum meneruskan perjalanan.

Kita telah menerangi Kuala Lumpur dengan lampu-lampu untuk mengawasi dan memastikan keselamatan kepada warga kota yang bekerja dan tinggal di bandaraya. Bandar raya sentiasa bercahaya, hidup dan dijamin sepanjang masa. Ekonominya sentiasa sibuk 24 jam sekaligus mewujudkan peluang pekerjaan untuk semua.

Jadi apakah maknanya 'Bandaraya Global'? Selain daripada apa yang saya sebutkan di atas, kita mesti mampu berinteraksi segera dan pantas dengan negara-negara lain yang ada di global. Oleh sebab itu, Kuala Lumpur tidak sepatutnya 'tidur dan berdengkur' pada waktu malam (waktu tempatan) semasa bursa saham di Wall Street, New York sedang aktif beroperasi.

Kita mesti mampu menyediakan keperluan untuk pemimpin korporat dunia kerana kebiasaan mereka akan meletakkan satu pejabat atau pejabat cawangan untuk kawasan Asia di bandaraya. Untuk itu, mereka perlu berkomunikasi dengan pejabat utama mengikut waktu sebenar tidak kira di London, New York, Paris, Bonn, Montreal dan sebagainya.

Semua ini tidak akan berlaku sekiranya Kuala Lumpur menutup 'suis'nya tepat jam 10.30 malam atau bila jam berdetik tepat 12 tengah malam. Ahli perniagaan tempatan juga perlu berhubung dengan rakan niaga di tempat lain yang mempunyai perbezaan waktu untuk urusan seperti Pemasaran, Pembelian, Pembayaran atau apa saja tidak akan dicapai sekiranya Kuala Lumpur tidak beroperasi 24 jam sehari.

Itu tidak termasuk penukaran maklumat secara pantas dan segera untuk perkara-perkara yang penting seperti diplomasi dan keselamatan. Kita sepatutnya sudah mula membuat persiapan dari sekarang, terutama dalam perancangan dan implementasi infrastruktur yang perlu dan keperluan asas supaya kita tidak akan berasa malu atau ketinggalan apabila tiba masanya.

DBKL komited untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandaraya bertaraf dunia dan pusat komersil antarabangsa, pusat pelaburan dan perbankan. Satu perkara yang konsisten ialah perubahan. Oleh itu, kita mesti menjadi sebuah bandaraya yang bersaing di dalam dunia yang global dan tidak bersempadan ini. Untuk sesiapa yang pernah mengembara luar Malaysia pastinya memahami perlunya menjadi seorang pemain yang global. Bersama kita akan mencapai objektif ini.

iaitu Kawasan Undi, Kawasan Tak Undi dan Kawasan Tradisi. Bagi kawasan Undi, DBKL telah menyediakan sebanyak 556 lot untuk jualan kering dan 70 lot untuk jualan makanan masak. Manakala bagi kawasan Tak Undi (*first come first basis*), DBKL telah memperuntukkan sebanyak 2206 lot yang mana ditambah 124 lot berbanding tahun lepas. Kawasan Tradisi pula merupakan kawasan di Kg. baru dan Datuk Keramat yang mempunyai 773 lot perniagaan.

Peniaga yang berjaya memperolehi lesen bermula untuk kedua-dua bazar ini (untuk jualan makanan dimasak) akan terus diberi suntikan TY2 (Pelalian Kawalan Penyakit Berjangkit) di lokasi pengundian pada hari yang sama. Suntikan ini disediakan oleh DBKL.

DBKL menasihatkan kepada semua peniaga Bazar Ramadan dan Deepavali agar sentiasa menjaga kebersihan dan tidak memindahkan lesen sementara ini kepada pihak ketiga untuk menjalankan perniagaan.

BAZAR RAMADAN DAN DEEPAVALI 2004

Sepertimana kebiasaan, setiap tahun perayaan dirayakan dengan pelbagai persediaan untuk tetamu dan taulan yang datang melalui. Untuk itu, sebagai memberi peluang orang ramai melengkapkan lagi persediaan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri, Deepavali, Bazar Ramadan dan Bazar Deepavali muncul lagi. Setain itu, Bazar ini juga memberi peluang kepada para peniaga menjalankan aktiviti perniagaan mereka.

DBKL telah merancang pengundian untuk beberapa lokasi Bazar Ramadhan/Bazar Deepavali 2004 yang akan bermula pada 12 Oktober hingga 13 November 2004. Lokasi Bazar Ramadhan/Bazar Deepavali terbahagi kepada tiga kategori




DIGITAL

Masjid India dapat suntikan 'Festival Mood'

Projek menaik taraf dan pengindahan Jalan Masjid India merupakan salah satu daripada usaha DBKL untuk mempromosikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Pelancongan dan menyediakan tempat yang bersih, kemas serta selesa untuk penjaja. Fasa 1 projek ini meliputi keseluruhan Jalan Melayu dan sebahagian Jalan Masjid India di hadapan Wisma Yakin.

Bermula pada 15 Disember 2003, struktur bangunan dibina dengan konsep berbumbung dan separa bumbung sepanjang 600 meter di Jalan Melayu dan 200 meter di sebahagian Jalan Masjid India (berhadapan dengan Wisma Yakin). Keseluruhan kerja menaiktaraf dan pengindahan Jalan Melayu dan sebahagian Jalan Masjid India ini bertemakan tekstil. Ianya berdasarkan aktiviti perniagaan tekstil yang banyak terdapat di kawasan ini. Tema tekstil ini merangkumi kain ela, pakaian siap, benang, bahan untuk gubahan bunga kering, peralatan perkahwinan dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan tekstil.

Sepanjang kerja-kerja pengindahan dan menaik



Kerja-kerja pembinaan Fasa 1 yang hampir siap. Kelihatan kemasan lantai sedang dilaksanakan untuk memberi keselesaan dan memudahkan pergerakan peniaga dan orang ramai apabila dibuka kelak. - Gambar Berita Bandaraya.



Pandangan dari atas projek menaik taraf Jalan Masjid India Fasa 1. Ruangan peniaga di Jalan Masjid India lebih kemas dan cantik. Ia juga memberi keselesaan kepada jemaah yang akan menunaikan solat Jumaat dengan ruangan yang bersih dan kemas serta lebih besar.- Gambar Berita Bandaraya.

taraf ini dijalankan, 'hoarding' telah dibina untuk keselamatan orang awam yang melalui kawasan tersebut dan ia akan dibuka semula setelah pembinaan siap. Seramai 143 penjaja tanpa lesen di Jalan Melayu dan hadapan Wisma Yakin telah dipindahkan sementara ke tapak Benteng Lama sejak 8 Januari 2004. Sementara penjaja gerai berkunci telah beroperasi di gerai sementara sejak Jun 2004.

Struktur bangunan yang dibina di tapak projek mempunyai ketinggian 9.5 hingga 17 meter bersamaan dengan 2½ tingkat hingga 4 tingkat bangunan. Enam batang tiang besi dengan ukuran garis pusat (diameter) 0.3 meter dipasang di hadapan masjid dan ia tidak menghalang pemandangan kepada bangunan masjid terutama fasad hadapan.

Projek ini juga telah melebarkan pintu masuk utama ke Masjid India daripada 10 meter lebar kepada 20 meter lebar dan memudahkan lagi pergerakan keluar masuk jemaah ke masjid.

Projek yang dijangka siap pada bulan Oktober 2004 ini akan memaparkan suasana perniagaan yang lebih teratur dan selesa dengan suntikan 'festival mood'.